



# ISU KONTEMPORARI PERUBATAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

**I-Medik**

Sebuah Projek Inisiatif  
**IKATAN PENGAMAL PERUBATAN  
& KESIHATAN MUSLIM MALAYSIA**

Copyright © 2011  
Penerbitan I-Media  
40-2, Jalan Medan Putra 2  
Pusat Bandar Bangi Seremban 2  
4300 Seremban, Negeri Sembilan  
ISBN 978-967-15273-0-1

Halaman ini dipersembahkan kepada...  
Hakcipta terpeliharanya...

Terdapat beberapa bahagian perubatan ini dalam dunia sains, namun untuk  
penggunaan atau untuk tujuan yang sama dengan ini, ia adalah  
kecuali untuk tujuan perubatan. Untuk tujuan perubatan, perubatan  
adalah satu bidang yang luas dan kompleks. Ia melibatkan banyak  
bidang-bidang perubatan yang berbeza-beda.

## Isu Kontemporari Perubatan Menurut Perspektif Islam

Perkembangan sains dan teknologi dalam dunia perubatan  
adalah satu hal yang tidak dapat dinafikan. Namun demikian,  
perubatan yang berlandaskan kepada nilai-nilai Islam  
adalah satu bidang yang semakin penting. Ia melibatkan  
banyak aspek perubatan yang berbeza-beda.  
Untuk maklumat lanjut mengenai Perubatan I-Media dan terbitan digital, bolehlah  
melawat laman web kami di [www.perubatanimedia.com](http://www.perubatanimedia.com)

Copyright © 2011  
Miles Grafik Sdn Bhd  
No. 9, Jalan 28/119, Taman Serdang Raya,  
43000 Seremban, Negeri Sembilan

Diterbitkan oleh:  
Penerbitan I-Medik  
40-2-2B, Jalan Medan PB2,  
Pusat Bandar Bangi Seksyen 9,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.

ISBN 978-967-15673-0-2

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian dalam penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua sekalipun kecuali setelah mendapat izin bertulis daripada Penerbitan I-Medik. Rundingan tertakhluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Hak cipta karya adalah milik para penulis: Dr. Zulkifli Yusof, Dr. Rashidah Abd Rahman, Dr. Hatta Mohamed Tarmizi, Dr. Murizah Mohd Zain, Dr. Anayasmin Azmi, Prof. Madya Dr. Rafidah Hanim Mokhtar, Dr. Azizi Ayob, Dr. Nor Ruzaini Sulaiman, Dr. Rozanizam Zakaria, Prof. Dr. Azmi Md Nor, Dr. Nujaimin Udin dan Prof. Dr. Zainur Rashid Zainuddin.

Cetakan pertama: Mac 2018

Rekaan kulit depan: Aiman Rosli

Editor: Dr. Norzila Baharin

Penasihat Syariah: Dr. Mohd Soberi Awang, Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Undang-undang, USIM dan Jawatankuasa Pusat Majlis Ulama ISMA

Untuk maklumat lanjut mengenai Pertubuhan I-Medik dan terbitan digital, boleh lawati [www.imedik.org](http://www.imedik.org) atau hantarkan emel ke [imedikpusat@gmail.com](mailto:imedikpusat@gmail.com)

Dicetak oleh,  
Mihas Grafik Sdn. Bhd.  
No. 9, Jalan SR 4/19, Taman Serdang Raya,  
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan,

Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud,

“Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dan menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang dan sebaliknya Al-Quran tidak menambahkan (disebabkan keingkaran mereka) melainkan keruh

(Surah Al-Isra' 17: 82)

Sebuah hadis daripada Ali bin Abi Talib r.a. disebut

Rasulullah s.a.w. yang bermaksud,

“Sebaik-baik ubat itu adalah al-Quran.”

(Riwayat at-Tarmizi)

## ISI KANDUNGAN

Mukaddimah

Kata pengantar

Pengenalan I-Medik

1. Etika Pengamal Perubatan - Dr Zulkifli Yusof
2. Perubatan Islam - Dr Rashidah Abd Rahman
3. *Home birth* - Dr Hatta Mohamed Tarmizi
4. Pengguguran kandungan - Dr Murizah Mohd Zain
5. Isu-isu masakini berkaitan pelalian dan imunisasi - Dr Anayasmin Azmi
6. LGBT dan asas dari sudut perubatan - Prof Madya Dr Rafidah Hanim
7. Ubat-ubatan: Halal dan haram - Prof Dr Azizi Ayob
8. Sinar di sebalik tirai besi - Dr Nor Ruzaini Sulaiman
9. Penderaan kanak-kanak - Dr Rozanizam Zakaria
10. *Euthanasia* - Prof Dr Azmi Md Nor
11. Mati otak dan derma organ - Dr Nujaimin Udin
12. Perkongsian misi I-Medik ke Gaza - Prof Dr Zainur Rashid Zainuddin

Penutup

## MUKADDIMAH

Bismillahirrahmanirrahim

Segala pujian dan kesyukuran bagi Allah telah menunjukkan kita ke jalan hidayah dan iman kepada Nabi Muhammad s.a.w., pemimpin dakwah dan keluarga baginda, para sahabat r.a., dan orang-orang yang memartabatkan kalimah Allah sepanjang hidup mereka.

Islam adalah agama yang syumul yang meliputi seluruh kehidupan, tidak terkecuali juga dalam aspek perubatan. Perspektif Islam merujuk kepada istilah atau konsep yang selamat dan sejahtera. Selamat dan sejahtera di sini merujuk kepada zahir dan batin, jasmani dan rohani, serta fizikal dan mental. Menggarap potensi kita melaksanakan ibadah yang sempurna sebagaimana yang dituntut kepada hamba Allah.

Perkembangan dunia perubatan yang pesat telah melahirkan pelbagai penemuan penyakit, kaedah rawatan, dan sebagainya. Semasa ini telah mencetuskan pelbagai isu baru yang berkaitan dengan perubatan, khususnya dalam ruang lingkup perubatan Islam.

Kita boleh lihat perkembangan ini melalui kemajuan teknologi yang boleh menyebabkan kecacatan bayi, pendermaan, dan sebagainya. Pembuangan bayi, bersalin di rumah atau *home birth*, dan sebagainya. Kumpulan-kumpulan anti vaksin yang semakin meningkat. Penggunaan ubat-ubatan sama ada halal atau haram.

Sejajar dengan perkembangan ini, perubatan Islam perlu berkembang seiringan tanpa menolak undang-undang yang sedia ada untuk menjadi panduan kepada pengamal perubatan dan masyarakat awam amnya.

Oleh itu, para ulama dan pakar-pakar perubatan Islam perlu peka dan bertanggungjawab serta

2. Ali Laban. (2007). Asas-Asas Islam, Cetakan Pertama, Bangi: Penerbitan Ikatan Muslimin Malaysia
3. Brown, J., Cohen, P., Johnson, J. G., & Salzinger, S. (1998). A longitudinal analysis of risk factors for child maltreatment: Findings of a 17-year prospective study of officially recorded and self-reported child abuse and neglect. *Child abuse & neglect*, 22(11), 1065-1078.
4. Husam Hamidah. (2007) Keluasan Islam: Modul Pembangunan Insan, Ikatan Muslimin Malaysia
5. Irene Cheah (2012). Penderaan Kanak-Kanak. Diakses dari <http://www.myhealth.gov.my/index.php/my/bayikanak-kanak/penderaan-kanak-kanak/penderaan-kanak-kanak>
6. Masten, A. (2001). Ordinary magic: Resilience processes in development. *American Psychologist*, 56, 227-238
7. Prino, C. T., & Peyrot, M. (1994). The effect of child physical abuse and neglect on aggressive, withdrawn, and prosocial behavior. *Child Abuse & Neglect*, 18(10), 871-884.
8. UNICEF Malaysia (2010). Child Abuse Malaysia di akses dari <http://www.unicef.org/malaysia/GetonBoard-Factsheet-Child-Abuse-in-Malaysia.pdf>
9. Utusan Malaysia (2014). Trend Bunuh Kanak-kanak Serius diakses dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Laporan\\_Khas/20140201/lk\\_01/Trend-bunuh-kanak-kanak-serius#ixzz3jn40jQLY](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Laporan_Khas/20140201/lk_01/Trend-bunuh-kanak-kanak-serius#ixzz3jn40jQLY)

## **Euthanasia: isu perubahan bagi pesakit di penghujung usia**

**Prof. Dr Azmi Md Nor**



Prof Dr Azmi merupakan Pakar Perunding Bedah Kolorektal dan Dekan Kulliyah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM).

Beliau berumur 55 tahun, telah berkahwin dan mempunyai 10 orang anak.

Beliau terlibat secara aktif dalam beberapa NGO dan diamanahkan sebagai Presiden I-Medik Malaysia dan juga merupakan Pengerusi Syura ISMA.

Prof Azmi amat mengambil berat akan ahli-ahli I-Medik, pembangunan mereka dalam dakwah dan karier serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan di cawangan agar dapat berguna kepada masyarakat setempat.

Beliau boleh dihubungi di fb Dr Azmi Md Nor.

## **Euthanasia: isu perubatan bagi pesakit di penghujung usia**

### **Pengenalan**

*Euthanasia* berasal dari perkataan Greek. *Eu* bermaksud "baik", dan *Thanatos* bermaksud "mati". Dalam bahasa Arab, *euthanasia* dikenali dengan istilah *Qatl al-rahmah* atau *taysir al-mawt*. Manakala di dalam Bahasa Inggeris ianya dikenali sebagai *Mercy killing*. *Euthanasia* adalah satu tindakan yang dilakukan untuk mempercepatkan kematian seseorang pesakit yang menderita kesakitan akibat daripada penyakit yang dialami.

Persatuan *Euthanasia* Amerika yang ditubuhkan pada dalam tahun 1938 telah mendefinisikan *euthanasia* sebagai "menamatkan riwayat hidup (seseorang pesakit) melalui kaedah bebas sakit bagi tujuan menamatkan cengkaman kesakitan fizikal yang serius". *Euthanasia* berasal dari Barat. Dahulu masyarakat barat mengambil berat tentang agama serta menolak perbuatan membunuh diri (*homicide*). Undang-undang di barat sehingga ke hari ini masih tidak membenarkan perbuatan membunuh diri.

Walaubagaimanapun perkembangan yang berlaku di Barat di mana masyarakatnya telah berubah kepada masyarakat yang berfahaman sekular di mana kehidupan harian berasaskan kepada kebendaan semata-mata.

Agama yang masih menjadi pegangan sebahagian daripada masyarakat di barat hanya tinggal menjadi amalan individu sahaja. Ramai dalam kalangan mereka yang langsung membebaskan diri daripada sebarang ikatan agama dan kepercayaan. Kehidupan mereka hanya dikawal oleh nafsu yang tidak dipandu oleh nilai agama yang benar. Nilai dan peradaban hidup mereka telah tergelincir jauh dari panduan agama. Pihak gereja dalam menghadapi tekanan sekularisme yang hebat telah melakukan pencairan dalam prinsip dan idealisme agama mereka.

Masyarakat barat yang sekular ini telah mula beranggapan bahawa membunuh diri itu bukan lagi satu kesalahan jenayah. Mereka mula menerima *euthanasia* sebagai satu penyelesaian bagi penyakit kronik yang menyebabkan penderitaan yang berpanjangan dan penyakit yang tidak ada harapan untuk

sembuh seperti barah. Walaupun sehingga kini tidak ada undang-undang Barat yang membenarkan *euthanasia* dilakukan secara *legal*, tetapi kalangan pengamal perundangan telah membebaskan kes para doktor yang melakukan *euthanasia* di mahkamah dengan alasan bahawa tujuan doktor-doktor tersebut adalah baik.

Archbishop Canterbury iaitu Archbishop Gereja Inggeris dalam konteks ini telah merestui aliran pemikiran ini dan menyatakan persetujuan dengan berkata: "soal *euthanasia* ini terletak sepenuhnya kepada para doktor untuk membuat keputusan mengikut kemahuan mereka." Jika diselidiki secara halus dorongan untuk melakukan *euthanasia* adalah lebih kepada untuk melepaskan diri daripada tanggungjawab memberikan rawatan berterusan kepada pesakit yang menghadapi penyakit-penyakit kronik dan penyakit barah yang tidak ada harapan untuk sembuh. Faktor-faktor yang melibatkan kos rawatan dan kesannya kepada penyakit sentiasa diperkatakan di negara-negara Barat.

Mereka melepaskan diri daripada tanggung-jawab kemanusiaan yang sepatutnya dirasai serta dilaksanakan oleh setiap manusia tidak kira di Timur atau di Barat. Pesakit yang berada dalam tekanan emosi disebabkan oleh penyakit perlu diberikan nasihat, perhatian, semangat dan rawatan mengikut tahap dan keadaan penyakit. Adalah menjadi tanggungjawab para doktor untuk memberikan rawatan yang terbaik untuk setiap pesakit yang datang kepadanya.

*Euthanasia* yang sedang dipromosikan dalam masyarakat Barat telah dibawa masuk ke dalam negara-negara umat Islam bagi tujuan untuk dipraktikkan. Umat Islam yang mempunyai berbagai latarbelakang pemahaman Islam dan pendidikan menerima isu *euthanasia* dengan pelbagai respon. Islam adalah yang benar daripada Allah SWT diturunkan kepada Nabi Muhammad saw. Islam adalah agama sepanjang zaman. Islam mempunyai jawapan yang tuntas mengenai isu *euthanasia* ini melalui Al-Quran, hadis and fatwa-fatwa ulama.

hospital-hospital kerajaan dan kalau perlu sahaja di hospital swasta/ 'Charity'.

4. Misi yang murni tetapi mencabar ini mesti diteruskan di masa akan datang. Persiapan yang rapi di sudut logistik dan tenaga kepakaran harus menjadi keutamaan dalam penambahbaikan.
5. Aman Palestin dan I-Medik telah mempunyai bank-data senarai sukarelawan perubatan dan kesihatan yang bersedia untuk meneruskan misi-misi yang akan datang. Sesi perkongsian dan penerangan kepada para sukarelawan yang bakal ke Gaza di masa depan akan memastikan persiapan yang terbaik dengan harapan untuk menghasilkan natijah yang terbaik.

### Penghargaan

I-Medik ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Aman Palestin yang telah memberi kepercayaan kepada kami untuk mengetahui dan mengendalikan misi yang besar seumpama ini.

Kami juga ingin mengucapkan tahniah kepada para wartawan yang telah bersama kami di dalam misi yang mencabar ini.

Di samping itu, ucapan syabas dan tahniah juga kepada para pakar bedah yang telah berkorban masa, tenaga dan harta untuk bersama ke Gaza. Mereka yang turut serta dalam rombongan tersebut ialah Dr. Md. Mahir Abdullah dari Pusat Perubatan Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) Selangor (SMC) di Shah Alam, Dr. Mohamed Ashraf Mohamed Daud dari Hospital KPJ Perdana di Kota Bharu, Kelantan, dan Dr. Zairul Nizam dari Hospital Pakar Senawang, Negeri Sembilan.

Penghargaan khas kepada semua rakyat Malaysia terutamanya di kalangan penderma dan penyumbang sehingga misi ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

### Penutup

Diharapkan dengan penerbitan buku ini dapat memberikan gambaran dan maklumat yang lebih jelas tentang beberapa permasalahan perubatan dan hukum fiqh yang berkaitan yang sering berlaku dalam masyarakat.

Kami meyakini bahawa buku ini akan mendekatkan kami, para petugas perubatan dan kesihatan dengan masyarakat serta lebih mengenali I-Medik dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan demi membantu masyarakat tanpa mengira latarbelakang sosial dan sempadan geografi.

Disamping itu, kami berhasrat agar buku ini bukan sahaja bermanfaat kepada masyarakat awam tetapi menasarkannya juga anggota-anggota perubatan dan kesihatan yang bertungkus lumus menyelamatkan nyawa dan memberi bantuan perubatan dan kesihatan agar mementingkan juga hukum-hukum fiqh dan syariat dalam menjalankan tugas seharian.

Semoga kita semua dianugerahi keberkatan dan rahmat Allah swt dalam kehidupan seharian dan dalam amal ibadah kita.

Akhir kata, setinggi tahniah dan ucapan penghargaan kepada para doktor yang telah mengorbankan masa, tenaga dan harta dalam menyumbang artikel-artikel yang berguna kepada kita semua.

Wallahu'alam



Dr Norzila Baharin  
Ahli Jawatankuasa Pusat I-Medik (Penerbitan)

**I-Medik**

Sebuah Projek Inisiatif  
**IKATAN PENGAMAL PERUBATAN  
& KESIHATAN MUSLIM MALAYSIA**